


# PMR BAHASA MALAYSIA – TIPS TAMBAHAN

## KARANGAN RANGSANGAN 1

Rajah di bawah menunjukkan langkah-langkah menyayangi alam sekitar.

Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah menyayangi alam sekitar**. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



### Pendahuluan

Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan kepada kita dan wajar kita sayangi sampai bila-bila. Namun begitu, impak daripada arus pembangunan yang begitu pesat, alam sekitar kini semakin tercemar akibat daripada kerakusan manusia yang cenderung ke arah mengejar kekayaan semata-mata.

### Idea-idea utama

Dalam membicarakan tajuk di atas, pelbagai langkah dapat kita jalankan dalam menangani senario ini. Antaranya mengadakan pelbagai kempen termasuk “ Kempen Earth Hour “ di negara kita. Kempen ini mengajak masyarakat berjimat cermat dalam menggunakan elektrik di negara kita. Natijahnya, penipisan ozon dapat dikurangkan yang mana memberikan pelbagai manfaat kepada manusia. Pada masa yang sama, dengan adanya kempen ini bumi hijau yang ada di negara kita dapat dikekalkan.

Sambutan “Hari Bumi” pada saban tahun turut menzahirkan kebaikan kepada kita. Sebagai contoh, melalui kempen ini, masyarakat digalakkan menanam sekurang-kurangnya 10 batang pokok dalam menghijaukan persekitaran kita. Pembebasan gas oksigen akan meningkat manakala bumi yang gersang dapat disulam dengan pelbagai jenis pokok yang pastinya akan menyejukan mata memandang.

Sudah terang lagi bersuluh, penggunaan beg kitar semula dapat menyelamatkan alam sekitar. Penggunaan beg plastik sebenarnya membawa seribu keburukan yang mana tempoh beg ini lupus apabila ditanam mengambil masa yang terlalu lama. Penggunaan beg kitar semula dapat mengurangkan penebangan pokok yang keterlaluan.


Dalam merealisasikan keindahan alam sekitar, pendidikan terhadap alam sekitar kepada anak-anak amat penting. Sejak kecil lagi, kanak-kanak sewajarnya dididik membuang sampah di tempat yang betul. Justeru, mereka tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Sungai turut tercemar di samping berlakunya banjir kilat akibat longkang yang tersumbat kesan daripada pembuangan sampah sarap dengan sesuka hati dalam kalangan masyarakat.

## **Penutup**

Alam sekitar amat penting dalam kehidupan ini dan wajar dipertahankan oleh masyarakat pada alaf ini. Jangan sampai “Sudah terhantuk baru nak mengadiah” pastinya membawa penyesalan yang berpanjangan. Biarlah keindahan alam sekitar yang ada pada hari ini akan terus diwarisi oleh generasi yang akan datang.

## KARANGAN RANGSANGAN 2

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah amalan membaca. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



### Pengenalan

Amalan membaca merupakan amalan yang mulia dan amat sinonim di negara kita. Budaya membaca ini melahirkan lebih ramai generasi yang berilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak seperti katak di bawah tempurung. Amalan terbaik ini sewajarnya diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sejak mereka masih kecil.

### Idea-idea Utama

Tidak dapat dinafikan bahawa amalan membaca ini dapat mengisi masa lapang dengan baik. Kita tidak membuang masa dengan sia-sia dan akhirnya terjerat dalam gejala yang negatif seperti jenayah, dadah, bohsia dan pergaulan bebas. Masa yang terluang dapat kita isikan dengan berfaedah dan pastinya pengetahuan kita terhadap sesuatu perkara akan meningkat.

Dalam mengupas isu ini, rajin membaca membolehkan kita mengetahui isu-isu semasa baik di dalam mahupun di luar negara. Kita menjadi seorang yang amat peka terhadap pelbagai isu baik ekonomi, politik mahupun sosial. Kita dapat meneliti dan

mengkaji fenomena semasa dan senario ini amat baik yang mana pelbagai teladan dapat kita contohi dan yang tidak baik pula dapat kita batasi.

Sudah menjadi realiti , golongan yang terpelajar merupakan golongan yang berilmu tinggi. Dalam usaha mencapai tahap yang sedemikian rupa, membaca merupakan jalan utama dalam melahirkan generasi yang berkualiti seperti ini. Impaknya kita akan menjadi bahan rujukan dan semakin dihormati dalam kalangan masyarakat.


Tanpa segulung ijazah, kehidupan anak-anak muda pada hari ini pastinya penuh ranjau dan duri. Amalan membaca membantu kita lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Semakin kita banyak membaca , semakin cemerlang kita di dalam peperiksaan. Pasti masa depan kita terjamin dan mampu menjawat jawatan yang tinggi dalam kehidupan ini.

### Penutup

Budaya membaca menzahirkan manfaat yang tidak dapat dihitungkan dengan jari-jemari. “Tepuk dada tanya selera” antara ungkapan yang bertepatan dalam isu di atas. Tanamkan dan semaikanlah sikap rajin membaca walau di mana kita berada supaya hidup kita benar-benar bermakna dalam menjalani kehidupan ini.

### **KARANGAN RANGSANGAN 3**

Berdasarkan gambar rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **cara-cara mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat**. Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi **120 patah perkataan**.



## **Pengenalan**

Dalam menjalani kehidupan ini, gaya hidup yang sihat amat penting supaya setiap aktiviti yang dijalankan dapat berjalan dengan lancar. Gaya hidup yang sihat dapat menghindarkan kita daripada diinggapi sebarang penyakit seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan penyakit barah. Kebanyakan penyakit ini berpunca daripada sikap masyarakat yang mengabaikan amalan pemakanan mereka.

## **Idea-idea Utama**

Amalan pemakanan yang sihat amat penting kepada kita semua. Justeru, kita wajar mengelakkan daripada makan makanan yang terlalu banyak dengan kandungan gula, garam dan kolestrol. Rata-rata makan seperti ini sememangnya lazat hingga tanpa kita sedari merupakan penyakit utama yang menyerang manusia pada alaf ini. Oleh itu, dengan amalan makanan yang sihat menjadikan kita maakan dengan berperaturan dan tidak berlebihan.

Meninjau aspek ini dengan lebih terperinci, bersenam dan beriadah amat penting dan sewajarnya menjadi amalan masyarakat era ini. Hal ini demikian kerana dengan bersukan, peluh akan menitis keluar dan membuang segala sisa toksik yang terkandung di dalam badan. Implikasinya, badan kita akan menjadi cergas dan otak pula menjadi cergas.

Pada masa yang sama masyarakat mestilah melakukan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya setahun sekali. Justeru, doktor dapat mengesan sebarang penyakit dalam kadar segera dan mudah untuk diubati. Persoalannya berapa ramai masyarakat yang bersikap seperti ini. Kesibukan tugas dan mengejar kekayaan semata-mata menjadikan mereka mengabaikan penjagaan kesihatan.

Gaya hidup yang sihat antara langkah yang penting dalam kalangan masyarakat. Tabiat yang tidak baik seperti menagih dadah, minum arak dan merokok mestilah dijauhi. Terlibat dalam senario di atas akan mengundang pelbagai jenis penyakit seperti penyakit jantung khususnya. Pada masa yang sama turut membazirkan wang dan tidak berfaedah sama sekali.

## **Penutup**

Akhirul kalam, gaya hidup yang sihat wajar menjadi amalan masyarakat di negara kita pada hari ini. Amalan ini pencetus dalam menzahirkan masyarakat yang sihat dan bebas daripada sebarang penyakit. Apa yang penting segala aktiviti yang dirancang dapat dijalankan dengan berkesan tanpa sebarang gangguan khasnya yang berpunca daripada penyakit.

## **KARANGAN 1**

**SOALAN :** Sempena menyambut Hari Kebangsaan, anda telah menyertai pertandingan menulis karangan yang bertajuk ' Semangat sayang akan negara dan kebudayaan tempatan dapat memupuk jati diri dalam kalangan remaja'.  
Tuliskan karangan anda.

### **Semangat Jati Diri**

#### **PENGENALAN**

Remaja merupakan tulang belakang negara.

- mestilah memiliki jati diri yang baik dan sempurna
- tidak mudah terpengaruh dan terperangkap dengan gejala yang negatif
- bakal pemimpin negara pada masa hadapan

#### **ISI-ISI UTAMA**

Memang tidak dinafikan bahawa semangat sayang akan negara dan kebudayaan tempatan dapat membina jati diri yang baik dalam kalangan remaja.

- sanggup berjuang dan berkorban untuk negara
- sanggup mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh pihak musuh
- sentiasa mengekalkan kemerdekaan yang sedia ada

Mengapa jati diri yang tulin benar-benar ditagih daripada golongan remaja ?

- mereka tidak mudah terperangkap dalam pelbagai masalah sosial
- contohnya seperti penagihan dadah, jenayah dan pelbagai lagi
- mereka akan memiliki sahsiah yang baik dan berfungsi dengan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan

Kebudayaan di Malaysia adalah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan masyarakat timur.

- mengamalkan nilai-nilai murni yang baik
- hormat-menghormati, tolong-menolong dan sayang-menyayangi
- menjurus remaja supaya mengamalkan gaya hidup yang teratur dan akhirnya membentuk jati diri yang cemerlang

Budaya negara kita merupakan budaya yang bersangkutan agama.

- melahirkan remaja yang taat dan kuat berpegang kepada ajaran agama
- tidak mudah tergugat iman dan terpesong dengan budaya yang lain khususnya budaya barat
- menjalani kehidupan di landasan yang sebenar

Masyarakat di negara kita turut mengamalkan budaya yang diwarisi sejak zaman nenek moyang lagi.

- melentur masyarakat supaya menjadi sebuah bangsa dan negara yang kuat.
- sayang akan negara dan budaya yang memiliki nilai estetika yang tersendiri.
- menjana ke arah sebuah masyarakat yang ideal dan efisien

## **PENUTUP**

Jati diri dalam kalangan remaja mestilah dilentur sejak usia masih muda.

- asas ketahanan remaja dalam menghadapi sebarang rintangan dan cabaran
- tidak mudah tewas dalam apa juga godaan yang mendatang
- antara ciri penting dalam melahirkan remaja yang cemerlang, gemilang dan terbilang

## **‘REMAJA CEMERLANG NEGARA TERBILANG ‘**

### **KARANGAN 2**

**Soalan :** Hutan merupakan sumber semula jadi yang menjadi khazanah amat berharga. Bincangkan pernyataan di atas.

### **Hutan Khazanah Berharga**

#### **Pengenalan**

Hutan merupakan khazanah semula jadi yang amat berharga kepada semua kehidupan di dalam dunia ini.

- telah diwarisi sejak zaman nenek moyang hingga hari ini
- perlu dipelihara dan dijaga dan bukannya diperkosa dengan sesuka hati
- disemaikan kepada masyarakat supaya menyayangi hutan dalam sanubari mereka.

#### **Isi-isi utama**

Hutan memainkan peranan penting kepada setiap kehidupan di muka bumi ini.

- menjadi habitat flora dan fauna sejak zaman – berzaman.
- tempat pembiakan dan supaya pelbagai spesies yang hidup ini tidak pupus
- menjadi tatapan daripada generasi ke generasi yang lain

Hutan menjadi kawasan tadahan hujan yang penting kepada setiap kehidupan termasuk manusia.

- menyalurkan air yang bersih yang membentuk sungai
- membebaskan gas oksigen untuk kesejahteraan pelbagai kehidupan
- melakukan aktiviti harian dengan lancar tanpa sebarang masalah

Khazanah ini juga merupakan sumber mentah bagi memenuhi keperluan manusia.

- membekalkan kayu untuk pembuatan pelbagai jenis perabot
- menghasilkan pelbagai jenis herba untuk ubat-ubatan tradisional
- sumber utama untuk membuat kertas melalui pelbagai jenis kayu-kayan

Hutan menjadi tempat kawalan suhu bumi sekiranya cuaca terlalu panas.

- menyerap kepanasan yang berlebihan akibat faktor cuaca
- menjadi penghalang ribut taufan dengan menahan angin yang terlalu kencang
- mengelakkan berlakunya hakisan tanah yang buruk

Kawasan hutan juga menjadi tarikan pelancongan dalam dan luar negeri.

- mempunyai pelbagai jenis air terjun, jeram dan sungai yang cantik
- memiliki pelbagai jenis flora seperti bunga, cendawan, kayu-kayuan
- menawarkan kehidupan yang unik seperti harimau, rusa, burung dan pelbagai lagi

## Penutup

Hutan perlu dipulihara daripada musnah akibat perbuatan manusia.

- kegiatan pembalakan haram atau secara besar-besaran
- kesan pembangunan yang tidak dirancang atau membuta tuli
- terus kekal untuk manfaat anak cucu kita pada masa depan

## **KARANGAN 3**

**Soalan :** Permainan tradisional kini semakin dilupakan oleh masyarakat. Tuliskan satu karangan tentang cara-cara untuk menghidupkan semula permainan ini.

### Langkah-langkah Meningkatkan Permainan Tradisional

#### Pengenalan

Permainan tradisional kini semakin dilupakan oleh masyarakat

- lebih meminati permainan moden seperti permainan video
- akan lupus sekiranya tidak ditangani dengan segera
- mendatangkan kerugian kepada negara

#### Isi-isi penting

Penganjuran permainan tradisional oleh pihak kerajaan .

- mengadakan pertandingan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan
- penyertaan daripada pelbagai kaum amat digalakan
- menawarkan hadiah yang lumayan

Menubuhkan kelab permainan tradisional di sekolah.

- guru-guru dihantar berkursus untuk memahirkan permainan ini
- antaranya permainan gasing, patuk ayam, wau dan pelbagai lagi
- generasi muda akan meminati permainan ini jika diketengahkan

Kerajaan mengadakan kempen permainan tradisional.

- promosi melalui jabatan kerajaan dan media massa
- melibatkan semua jabatan kerajaan
- mengadakan bulan permainan tradisional



Mewajibkan setiap hotel menganjurkan sukan tradisional.

- mengadakan pertandingan antara kakitangan hotel dan para pengunjung
- dapat menarik minat pelancong terutama dari luar negeri
- pelancong akan menceritakan pengalaman mereka kepada rakan-rakannya

Para pemenang dinobatkan sebagai tokoh sukan tradisional.

- diberikan pelbagai ganjaran berupa wang, sijil dan pelbagai lagi
- diwawancara di kaca-kaca televisyen dan surat khabar
- berasa dihargai dan setaraf dengan kejayaan dalam permainan moden

Memberi dana kepada kelab-kelab permainan tradisional.

- dapat mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun
- dapat menarik minat orang ramai untuk menyertainya
- diperluas hingga kawasan-kawasan pedalaman

## **Penutup**

Permainan tradisional – diwariskan kepada generasi muda

- lambang kebanggaan nenek moyang kita
- dapat mengekalkan budaya dan identiti bangsa
- melonjak nama negara di persada dunia

## **KARANGAN 4**

**SOALAN :** Membaca merupakan amalan yang baik dan wajar diterapkan kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira faktor umur. Tuliskan satu karangan tentang faedah yang diperoleh daripada amalan membaca dalam melahirkan masyarakat yang bestari.

### **Faedah Membaca Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia**

#### **Pengenalan**

Membaca merupakan amalan yang sungguh berfaedah.

- **mendatangkan banyak pengetahuan** dalam pelbagai sudut
- boleh membaca pelbagai bahan bacaan yang merangkumi pelbagai perkara
- dapat mengisi masa lapang tanpa mengira masa dan tempat
- buku, surat khabar, majalah dan pelbagai lagi seperti yang diinginkan

#### **Isi-isi Penting**

Membaca merupakan jambatan ilmu memang tepat sekali.

- **memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan** dalam pelbagai bidang
- semakin banyak membaca, semakin tinggi ilmu yang diperoleh
- meningkatkan keyakinan diri dan meningkatkan imej seseorang
- dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat dengan ilmu yang dimiliki

Amalan membaca antara punca kejayaan seseorang.

- boleh **lulus dengan cemerlang** dalam pelajaran
- dapat menguasai ilmu akademik di sekolah
- dapat menjawab segala soalan dalam peperiksaan
- sukar untuk gagal dalam sesuatu bidang yang diceburi

Kita dapat mengisi masa lapang dengan baik apabila membaca.

- **tidak membuang masa** tersebut dengan aktiviti yang tidak berfaedah
- terselamat daripada terjerumus dalam gejala yang tidak baik.
- melepak, berpelesenan dan pelbagai aktiviti yang negatif
- melahirkan modal insan seperti yang diinginkan oleh negara

Membaca membolehkan kita mengetahui hal ehwal semasa.

- dapat **mengetahui perkembangan yang berlaku** di dalam mahupun di luar negara
- mengetahui tentang bencana alam, peperangan, ekonomi dan pelbagai lagi
- tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung
- tidak mudah dieksploitasi oleh orang lain kerana sentiasa mengikuti perkembangan semasa.

Aktiviti membaca mudah dilakukan dan tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi

- **boleh membaca di mana-mana sahaja** tanpa sebarang halangan
- boleh membaca di rumah, di sekolah dan di perpustakaan
- tidak berasa bosan dan boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan
- dipandang tinggi oleh masyarakat kerana membaca pastinya amat relevan dengan golongan yang pintar akal nya.

### **Penutup**

Amalan membaca merupakan **amalan yang mulia** dan wajar dipraktikkan sejak kecil

- perlu diterapkan sejak zaman kanak-kanak hinggalah dewasa
- memperoleh pengetahuan yang amat berharga dan tidak dapat dibeli di mana-mana kedai ataupun pusat beli-belah
- menjamin masa depan yang cemerlang, imej yang terbilang dan menjadi pakar rujuk oleh masyarakat setempat
- ilmu yang dititip melalui pembacaan sebenarnya menjadi penyuluh walau di mana kita berada

**” MEMBACA ITU JAMBATAN ILMU ”**

### **KARANGAN 5**

Pada cuti semester yang lalu anda telah menyertai perkhemahan di dalam hutan.

Tuliskan satu karangan untuk menceritakan pengalaman tersebut.

#### **Perkhemahan Di Dalam Hutan**

##### **Pengenalan**

Pada cuti sekolah yang lalu saya dan ahli-ahli pengakap sekolah telah mengadakan perkhemahan di Taman Rimba Templer.

- berkhemah selama tiga hari dua malam
- menyiapkan pelbagai peralatan dan bekalan
- acara tahunan untuk pasukan beruniform sekolah

## **Idea-idea Utama**

Kami berhimpun di halaman sekolah pada jam 8.00 pagi.

- diberikan sedikit taklimat oleh guru penasihat
- penting supaya kami tidak berhadapan dengan masalah
- menaiki sebuah bas menuju ke Taman Rimba Templer
- 

Jam 9.00 pagi kami telah bersiap sedia untuk mendaki gunung tersebut.

- tidak sabar-sabar untuk mendaki dan melihat keindahan alam semula jadi
- diketuai oleh jurupandu iaitu pemuda orang asli yang begitu mahir dengan selok-belok hutan di gunung tersebut
- seramai 20 orang murid dan tiga orang guru telah terlibat dalam ekspedisi ini

Selepas satu jam, kami telah berjaya mendaki separuh daripada ketinggian gunung tersebut.

- dapat melihat keindahan flora dan fauna yang kedapatan di sana
- beberapa orang peserta telah digigit pacat dan ada yang mula keletihan
- berhenti sebentar untuk melepaskan lelah

Matahari mulai meninggi dan kami terus mendaki.

- kepenatan mula terasa namun atas semangat yang cekat pendakian tetap diteruskan.
- seorang peserta nyaris-nyaris terjatuh ke dalam gaung namun sempat berpaut pada akar kayu
- diberi nasihat oleh guru supaya lebih berhati-hati ketika menghampiri puncak

Akhirnya kami tiba di puncak Gunung Jerai dan melompat keriangin.

- kami menaikkan bendera sekolah dan bendera Malaysia
- terpujau dengan kecantikan alam ciptaan Tuhan
- mengambil gambar sebagai kenang-kenangan

## **Penutup**

Kami bermalam di puncak gunung tersebut.

- suasananya cukup hening dan amat sejuk
- menyalakan unggun api dan bercerita pelbagai perkara hingga lewat malam
- berasa bangga kerana pendakian yang dirancang berjaya seperti yang dirancang

## **KARANGAN 6**

Dalam ekonomi negara yang tidak menentu ini, kita wajar berbelanja secara berhemat dalam kehidupan. Tuliskan satu karangan tentang cara-cara untuk menjimatkan perbelanjaan.

### **Cara-cara Berbelanja Secara Berhemat**

#### **Pengenalan**

Masyarakat di negara kita antara yang suka boros berbelanja.

- suka membeli-belah terutama sewaktu diadakan jualan besar-besaran
- berbelanja tanpa had asalkan dapat memuaskan nafsu masing-masing
- amalan ini wajar di jauhi terutama ketika krisis ekonomi melanda negara

## **Isi-isi Penting**

Pelbagai cara dapat kita lakukan untuk menjimatkan perbelanjaan seharian.

- mengamalkan sikap menabung wajar dicontohi
- kita tidak menghabiskan keseluruhan wang yang kita perolehi
- wang tabungan juga semakin bertambah dan boleh digunakan pada waktu kecemasan

Kita juga digalakkan memasak sendiri di rumah.

- kurangkan untuk makan di luar bersama keluarga
- perbelanjaan makan di luar sebenarnya agak tinggi seperti di Kentucky Fried Chicken
- tidak baik untuk kesihatan kerana terdedah kepada kolestrol yang tinggi

Apabila berbelanja, belilah barangan yang perlu dan penting sahaja.

- buat senarai barangan yang ingin dibeli dari rumah
- dapat mengelakkan daripada membeli barangan yang tidak perlu
- berbelanja secara berhemat dan tidak boros dalam berbelanja

Masyarakat juga digalakkan supaya bercucuk tanam di sekitar kawasan rumah

- menjimatkan perbelanjaan untuk membeli sayur-sayuran
- menanam pokok sayur, cili dan pelbagai lagi
- mudah ditanam dan diselenggarakan tanpa memerlukan modal yang tinggi

Menggunakan kenderaan awan untuk ke tempat kerja juga satu langkah yang bijak.

- dapat menjimatkan penggunaan petrol
- tambang pengangkutan awam jauh lebih murah berbanding kenderaan sendiri
- kos penyelenggaraan kenderaan sendiri juga dapat dikurangkan

## **Penutup**

Berbelanja secara bijak mestilah diamalkan oleh masyarakat di negara kita.

- perbelanjaan yang boros boleh menimbulkan masalah inflasi yang tinggi
- tabungan pula mestilah dipertingkatkan untuk mengelakkan kita daripada berbelanja secara terus-terusan
- amalan yang murni ini perlu dipraktikkan dan disemai sejak kecil kepada generasi muda

## **KARANGAN 7**

Sekolahku syurgaku wajar diterapkan di setiap sekolah sama ada di pedalaman mahupun di kota metropolitan. Bincangkan bagaimana caranya supaya “ Sekolahku Syurgaku “ menjadi kenyataan.

### **Sekolahku Syurgaku**

#### **Pengenalan**

Sekolah merupakan sebuah institusi untuk mendapatkan pelbagai jenis ilmu.

- suasana di sekolah mestilah menepati kehendak para pelajar agar ilmu yang disampaikan dapat diserapkan dengan baik
- pelbagai faktor wajar diambil kira agar pembelajaran yang kondusif dapat dilaksanakan
- konsep sekolahku syurgaku pasti akan menjadi kenyataan

## Isi-isi Penting

Prasarana yang ada di sekolah mestilah benar-benar mencukupi dan canggih.

- makmal komputer, bilik akses, makmal sains, pusat sumber sekolah dan pelbagai lagi mestilah efisien
- pelajar dapat menggunakan segala kemudahan ini dengan baik dan selesa
- membantu para pelajar dalam membina kejayaan khususnya dalam peperiksaan

Guru-guru yang diamanahkan untuk mendidik mestilah mencapai tahap bestari.

- memiliki ilmu yang tinggi di samping sentiasa sinonim dengan ledakan teknologi terkini
- mampu menyampaikan ajaran dengan sempurna dan menarik minat pelajar
- masalah ponteng kelas dan ponteng sekolah pastinya tidak akan wujud

Persekitaran sekolah pula mestilah sentiasa dalam keadaan kondusif

- konsep sejuk mata memandang mestilah diwujudkan
- persekitaran sekolah bersih, cantik dan ceria mestilah dibuktikan
- para pelajar akan berada di situasi yang akan mendamaikan jiwa dan perasaan mereka

Suasana di sekolah mestilah aman dan harmoni walaupun pelajarnya daripada berbilang kaum

- peraturan sekolah tidak disanggah dan tidak dirasakan mengancam para pelajarnya
- bebas daripada segala bentuk masalah seperti pergaduhan, buli, peras ugut dan sebagainya
- para belajar akan berasa seronok dalam menghadapi pengajaran dan pembelajaran

Kejayaan yang dicapai oleh sekolah pula mestilah cemerlang.

- bangga jika dapat belajar dan menjadi pelajar yang cemerlang
- prestasi akademik dan bukan akademik pula mestilah seiring
- akan menjadi kebanggaan dan dikenang sampai bila-bila

## Penutup

Sekolahku syurgaku bukan mustahil untuk dijadikan realiti.

- kerjasama daripada semua pihak khususnya PIBG perlu diwujudkan
- memastikan anak-anak mereka mempunyai segala bentuk kemudahan yang diperlukan
- tiada kekangan yang timbul dan akhirnya pembelajaran menjadi sempurna

### Karangan 1

## Peranan Keluarga Dalam Memupuk Semangat Patriotik Dalam Kalangan Anak-anak

### Pengenalan

Semangat patriotik amat penting dalam kalangan generasi muda pada hari ini.

- perlu dipupuk dalam kalangan remaja terutama para pelajar
- manfaatnya amat besar kepada negara kita
- akan menyayangi negara walau di mana mereka berada
- sanggup mempertahankan negara hingga titisan darah terakhir

### IDEA –IDEA UTAMA

Ibu bapa wajar menggalakkan anak-anak mereka menyertai aktiviti kenegaraan.

- Program Latihan Khidmat Negara antara contoh terbaik
- didedahkan dengan pelbagai aktiviti ke arah semangat patriotik
- mampu menyuburkan semangat ini dalam kalangan generasi muda

Ibu bapa menggalakkan anak-anak mereka membaca buku-buku sejarah.

- dapat mengetahui perjuangan pejuang-pejuang kemerdekaan
- dapat merasai semangat pejuang bangsa seperti Mat Kilau, Rentap dan pelbagai lagi
- akan menyayangi negara walau di mana mereka berada

Membawa anak-anak melawat ke tempat-tempat bersejarah.

- melihat secara dekat akan kehebatan negara kita
- dapat meneladani sesuatu perkara yang baik
- melihat kehebatan pahlawan bangsa, mercu negara dan pelbagai lagi

Membawa anak-anak melihat Sambutan Hari Kemerdekaan Negara.

- dapat menyaksikan pelbagai kaum bergerak dalam nadi yang sama
- merasai semangat cinta akan negara yang dipamer semasa perarakan berlangsung
- bercita-cita tinggi dalam memberi sumbangan kepada Negara

Membelikan buku-buku berunsurkan semangat patriotisme kepada anak-anak.

- jauh lebih bermanfaat daripada novel-novel yang berunsurkan percintaan
- celik sejarah umpamanya mengetahui sejarah Bukit Kepong
- mencontohi pengorbanan dan semangat sayang akan negara
- menjadi idola dan berazam untuk berkorban seperti mereka

### Penutup

Tuntasnya, semangat sayang akan negara merupakan tunjang kekuatan negara.

- tidak mudah dijajah, diperkotak-katikkan mahupun dipandang rendah
- generasi muda sanggup berkorban untuk negara pada bila-bila masa
- menyumbang idea, tenaga mahupun wang ringgit demi kejayaan negara
- terus bersinar dan dihormati oleh negara-negara luar

## **Peranan Keluarga Dalam Membentuk Sahsiah Murni Anak-anak**

### **PENGENALAN**

Anak-anak ibarat kain putih apabila dilahirkan di dunia ini.

- ibu bapa yang mencorak anak-anak itu sama ada menjadi sempurna atau sebaliknya
- peranan ibu bapa amat penting dalam memberikan didikan kepada mereka
- bak kata pepatah “ melentur buluh biarlah dari rebungnya”
- janganlah apabila sudah terhantuk baru hendak mengadiah

### **IDEA-IDEA UTAMA**

Memberikan didikan agama sejak kecil lagi.

- mengetahui yang mana dosa dan yang mana pahala
- menjadi batas penghalang untuk tidak terjebak dalam gejala sosial
- menjaga sahsiah mereka walau di mana mereka berada
- menjaga maruah diri dan maruah keluarga daripada tercemar

Ibu bapa sentiasa menunjukkan contoh dan teladan yang baik di hadapan anak-anak.

- bertutur dengan lembut dan bersopan santun
- tidak mengeluarkan kata-kata yang kesat dan kotor
- akan mempengaruhi anak-anak seperti “Bapa borek anak rintik”
- sahsiah murni akan terbentuk dalam diri anak-anak

Ibu bapa meluangkan banyak masa dengan anak-anak.

- anak-anak berasa disayangi dan dihargai
- sentiasa mengambil berat akan permasalahan mereka
- pada masa yang sama menyemai nilai-nilai yang murni
- membentuk peribadi anak-anak ke arah yang positif

Mewujudkan senario rumahku syurgaku oleh ibu bapa.

- anak-anak berasa selesa di rumah berbanding di luar
- mudah untuk ibu bapa membentuk sahsiah yang baik kepada mereka
- anak-anak akan menerima segala didikan ibu bapa tanpa sebarang rungutan
- pembentukan sahsiah yang murni dalam kalangan anak-anak akan tercapai

Tidak bersikap pilih kasih terhadap anak-anak.

- melayan mereka sama rata tanpa mengira bijak atau sebaliknya seseorang anak itu
- tidak mewujudkan rasa tidak puas hati dalam kalangan mereka
- anak-anak akan mengamalkan sikap hormat-menghormati dan tolong-menolong
- keperibadian yang tinggi di samping berakhlak mulia akan terbentuk

### **PENUTUP**

Kekayaan bukan penjamin kebahagiaan dalam sesebuah institusi kekeluargaan.

- tunjangnya anak-anak yang memiliki sahsiah yang tinggi

- menjaga maruah ibu bapa dan maruah mereka sampai bila-bila
- ibu bapa tidak terbeban dengan perangai dan salah laku mereka
- negara memiliki modal insan yang mampu berbakti kepada masyarakat

### Karangan 3

## **Peranan Ibu Bapa Dalam Menjamin Kesihatan Anak-anak**

### **PENGENALAN**

Kesihatan amat penting dalam melayari kehidupan ini.

- perlu dititik beratkan sejak kecil lagi
- aktiviti yang dirancang akan berjalan dengan lancar
- kesihatan yang baik amat penting

### **IDEA-IDEA UTAMA**

Ibu bapa mestilah mengambil peranan utama dalam memastikan kesihatan anak mereka terjamin.

- menyediakan makanan yang berprotein dan berkhasiat tinggi.
- perlu diberikan terutama sejak di peringkat kanak-kanak
- membesar dengan sempurna tanpa gangguan sebarang penyakit

Menggalakkan anak-anak mereka bersenam pada setiap hari.

- bergiat aktif dalam bidang sukan terutama di sekolah
- membawa anak-anak mereka beriadah pada hujung minggu
- badan mereka berpeluh dan situasi ini baik untuk kesihatan

Menasihati anak-anak mereka agar tidak mengamalkan tabiat yang buruk.

- menghidu gam, menghisap rokok mahupun meminum arak
- merosakkan sistem badan dan mudah diserang pelbagai jenis penyakit
- tidak menjadi ketagih hingga di peringkat dewasa

Memastikan anak-anak mereka melakukan aktiviti yang berfaedah dari aspek kesihatan.

- tidak membuang masa dengan tidur mahupun hanya bermain permainan video
- mudah diserang obesiti tanpa disedari dan akhirnya bersifat malas
- tidak aktif dan sentiasa lembab dalam melakukan sesuatu perkara.

Mengurangkan makan di luar terutama di restoran makanan segera.

- makanan yang dimakan memiliki kandungan kolestrol yang tinggi
- tinggi pasti akan kebersihan makanan tersebut
- diletakkan banyak perasa dalam usaha melazatkan makanan tersebut.

### **PENUTUP**

Amalan pemakanan yang baik penting dalam kehidupan.

- kesihatan benar-benar terjamin dan sukar dihindang penyakit
- menanamkan amalan menjaga kesihatan kepada anak-anak
- hidup dengan bahagia dan pastinya apa yang kita impikan akan tercapai.



## **Peranan Ibu Bapa Dalam Amalan Berjimat cermat Kepada Anak-anak**

### **PENGENALAN**

Berjimat-cermat adalah amalan yang mulia dan terpuji.

- wajar diterapkan kepada anak-anak sejak kecil.
- tidak kekok untuk melaksanakannya sehingga dewasa
- menjurus banyak faedah terutama kepada keluarga, masyarakat dan negara

### **IDEA-IDEA UTAMA**

Ibu bapa mestilah menggalakkan anak-anak mereka menabung sejak kecil.

- menabung itu amat penting dan wajar dilaksanakan
- menabung secara sedikit demi sedikit pada setiap minggu mahupun bulan
- wang tabungan akhirnya akan bertambah jika amalan ini terus berjalan

Mendidik anak-anak agar tidak boros berbelanja.

- membeli barangan yang penting sahaja
- makan tidak berlebihan terutama sewaktu berada di sekolah
- wang saku dapat dijimatkan dan ditabung di dalam bank

Ibu bapa juga tidak memberikan duit poket secara berlebihan.

- boros berbelanja kerana memiliki wang banyak di tangan
- tidak menghargai betapa susahnya ibu bapa dalam mencari wang
- tidak menghargai penat-lelah ibu bapa mereka dalam menyara keluarga

Menggalakkan anak-anak berdikari dan membuang sikap suka meminta-minta.

- tidak mudah memberikan wang kepada mereka
- mengambil tahu ke arah mana wang tersebut dibelanjakan
- anak-anak akan menghargai setiap wang yang diberikan oleh ibu bapa

Tidak terlalu memanjakan anak-anak.

- menyediakan apa-apa sahaja kemahuan yang dipinta
- fenomena ini akan merosakkan anak-anak tanpa disedari
- menjadi malas dan tidak tahu untuk berjimat-cermat

### **PENUTUP**

Ibu bapalah yang melentur anak-anak mereka agar menjadi yang terbaik.

- menjadi anak yang berhemat dalam perkara
- wang tabungan juga turut bertambah
- memberi kesenangan kepada keluarga itu sendiri

## **Peranan Ibu Bapa Dalam Membentuk Keluarga Bahagia**

### **PENGENALAN**

Keluarga bahagia amat penting dalam kehidupan.

- anak-anak membesar dengan penuh kasih sayang
- tidak terjebak dalam gejala sosial yang semakin ketara
- sentiasa menjaga maruah keluarga dan maruah diri

### **IDEA-IDEA UTAMA**

Pelbagai langkah dapat dilakukan dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan.

- berkelah bersama-sama pada hujung minggu
- dapat melepaskan segala bentuk tekanan sama ada ibu bapa mahupun anak-anak
- bertukar-tukar fikiran dan menyelami hati budi anak-anak yang semakin membesar

Melancong bersama keluarga juga antara cara yang terpuji.

- anak-anak berasa dihargai dan disayangi dan tidak berasa terpinggir
- ibu bapa sanggup membawa mereka ke tempat yang cantik dan menarik
- kasih sayang antara ahli keluarga semakin kukuh dari masa ke masa

Ibu bapa membantu anak-anak dalam pelajaran

- anak-anak akan berasa seronok dan gembira
- pencetus semangat untuk berjaya dalam pelajaran
- sanggup berkorban demi anak-anak pada bila-bila masa

Makan bersama-sama mestilah dilakukan oleh sesebuah keluarga.

- ibu dan ayah jarang bersama anak-anak di rumah
- dapat berkumpul sambil berbual-bual dan beramah mesra
- dapat memahami masalah yang dialami oleh anak-anak

### **PENUTUP**

Keluarga bahagia berpunca daripada hubungan yang erat antara ahlu keluarga.

- tidak mudah berselisih faham dalam banyak perkara
- saling menghormati antara satu sama lain
- kebahagiaan pasti terbentuk dan berpanjangan

## **Peranan Ibu Bapa Dalam Menentukan Kerjaya Anak-anak**

### **PENGENALAN**

Dalam era globalisasi ini,saingan dalam menjawat jawatan amat sengit.

- kekurangan jawatan dan lambakan kelulusan oleh generasi muda
- ramai yang menganggur dan ada yang bertahun-tahun
- terpaksa bekerja dalam bidang yang bukan kemahiran yang diambil di universiti

## IDEA-IDEA UTAMA

Peranan ibu bapa dalam menentukan hala tuju anak-anak mereka sebenarnya amat baik.

- lebih peka dengan permintaan tenaga kerja pada masa kini
- berpengalaman dalam situasi pekerjaan berbanding anak-anak
- mencadangkan jurusan anak-anak mereka di universiti

Ibu bapa amat mengetahui kebolehan sebenar anak-anak mereka.

- mengambil jurusan yang betul
- tidak mengambil sesuatu bidang atas desakan rakan-rakan
- gagal untuk memperoleh keputusan yang cemerlang

Kebanyakan jurusan yang diambil biarlah berkait dengan latar belakang keluarga.

- ibu bapa dapat membantu anak-anak semasa pembelajaran
- pengetahuan ibu bapa dapat ditagih dalam menyiapkan sesuatu tugas
- anak-anak mendapat kelebihan berbanding mengambil jurusan yang tidak sama

Faktor kemampuan keluarga turut diambil kira.

- mengambil jurusan yang mampu ditanggung oleh keluarga
- pembelajaran dapat dijalankan tanpa sebarang masalah
- anak-anak dapat belajar hingga memperoleh segulung ijazah

Ibu bapa dapat menjelaskan situasi sebenar sesuatu kerjaya.

- cabaran yang terpaksa dihadapi oleh anak-anak
- pekerjaan sebagai seorang doktor, pendidik dan sebagainya
- anak-anak tidak tersilap langkah kerana telah diberikan pendedahan oleh ibu bapa

## Penutup

Peranan ibu bapa amat ditagih dalam mentukan kerjaya anak-anak.

- tidak tersilap langkah dan masa depan menjadi suram
- masa yang dihabiskan semasa di universiti menjadi sia-sia
- bimbinglah anak-anak walaupun mereka telah dewasa

## Karangan 7

### **Peranan Ibu Bapa Dalam Memupuk Minat Bersukan Kepada Anak-anak**

## PENGENALAN

Sukan antara budaya yang digemari di negara kita.

- pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira agama menceburkan diri dalam bidang ini
- industri sukan juga mendapat sambutan yang menggalakkan
- mencipta nama dan menjulang imej negara seperti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David

## **IDEA-IDEA UTAMA**

Ibu bapa berperanan penting dalam menyemai minat bersukan kepada anak-anak.

- membelikan peralatan sukan seperti kasut, pakaian dan barangan yang lain
- menimbulkan minat dalam kalangan anak-anak
- tidak menghadapi sebarang masalah

Menggalakkan anak-anak bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

- menyemai bakat yang ada sejak di bangku sekolah lagi
- landasan yang tepat untuk maju ke hadapan
- berjaya mewakili sekolah, negeri dan seterusnya negara
- contohnya seperti olahraga, bola sepak, hoki dan pelbagai lagi

Memberi sokongan tanpa berbelah bagi kepada anak-anak.

- hadir memberi sokongan sewaktu anak-anak terlibat dalam sesuatu pertandingan
- memberi semangat kepada anak-anak mereka
- berjaya meraih kejayaan dengan adanya ibu bapa di belakang mereka

Menghantar anak-anak hadir untuk berlatih di sekolah mahupun di luar,

- anak-anak tidak mempunyai masalah ke tempat latihan
- tidak menghadapi masalah pengangkutan
- berlatih tepat pada waktunya

Mengeluarkan wang supaya anak-anak dapat berlatih di luar.

- menghadiri klinik bola keranjang, bola jaring dan sukan yang lain
- mempertajam kebolehan dan bakat anak-anak
- mampu mewakili negeri mahupun negara

## **PENUTUP**

Kejayaan anak-anak adalah tanggung jawab ibu bapa.

- memberi motivasi seperti penglibatan anak-anak dalam bidang sukan
- mampu memberi pulangan yang lumayan
- kerjaya sukan kini menjadi sasaran utama para remaja yang berkebolehan